



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 14 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	SASAR PENGGUNAAN MyISYTIHAR LKIM, LUMUT, SH -25 LKIM SASAR SEMUA PEMILIK BOT NELAYAN MENGGUNAKAN MyISYTIHAR, NEGARA, KOSMO -16 32,000 PEMILIK BOT NELAYAN DIGESA, LOKAL, HM -13	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	NANAS MD2 MUDAH DIJAGA, HASIL LUMAYAN, NASIONAL, BH -9	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
5. 6.	AGROBANK DAPAT DANA RM6.23 JUTA, BISNES, SH -28 AGROBANK BUKA SEMULA CAWANGAN SPAOH DI SARAWAK, NIAGA KOSMO -38	AGROBANK
7. 8. 9. 10. 11. 12.	LOKASI BOT KARAM KAWASAN TANGKAPAN IKAN, LALAUAN KAPAL, KUALA TERENGGANU, SH -24 BANCİ PERTANIAN JOHOR SUDAH CAPAI 36.6%, NEGARA, KOSMO -5 SAWAH MEREKAH KEMBALI DIGENANGI AIR, DALAM NEGERI, UM -10 PESTA PENCINTA SI BULUS, KUBELA, HM -33 BUKA 'BUKU BIRU', KUBELA, HM -34 WASPADA ZOONOTIK, KUBELA, HM -35	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

14/8/2024

SINAR

LUMUT

25

HARIAN

Sasar penggunaan Mylsytihar LKIM

LUMUT - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyasarkan kesemua 32,000 pemilik bot nelayan berdaftar menggunakan sepenuhnya aplikasi Mylsytihar pada tahun hadapan.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, aplikasi itu merupakan satu kemudahan kepada nelayan untuk mengisytiharkan pendaratan ikan tanpa terikat dengan waktu operasi LKIM dengan menggunakan telefon bimbit.

"Nelayan tidak mempunyai waktu kerja tetap hingga ada keluar malam sedangkan peng-

isytiharan diuruskan oleh pegawai LKIM mengikut tempoh kerja rasmi jadi, ia boleh menjejaskan operasi bekalan ikan.

"Aplikasi ini digunakan pemilik bot bagi memastikan pendaratan ikan dapat diisytiharkan dengan memuat naik resit dan proses ini berlangsung cepat sekali gus mengelakkan berlaku ketirisan terutama berkaitan penggunaan diesel bersubsidi.

"Setakat ini kita baru melengkap 50 peratus penggunaannya dan sasaran kita agar semua nelayan menggunakan aplikasi ini sepenuhnya tahun

depan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas hadir ke Program Rahmah Mesra Madani Bersama Nelayan Negeri Perak di Dewan Serbaguna LKIM Negeri Perak dekat Seri Manjung pada Selasa.

Sementara itu, Pengarah LKIM Perak, N Sundralingam berkata, penggunaan aplikasi Mylsytihar LKIM akan dikuatkuasa secara berperingkat bermula 1 September ini di Perak.

"Penggunaan aplikasi ini negeri ini telah mencapai 78 peratus dan bakinya kita akan kesan dan bantu ajar mereka," katanya.

Aplikasi Mylsytihar yang dilancarkan pada 10 Ogos 2022 mempunyai integrasi data dan sistem e-pengisytiharan sedia ada iaitu pengguna sistem tersebut boleh mengakses maklumat berkaitan Mylsytihar LKIM di dalam aplikasi itu.

Pada program itu, seramai 136 orang nelayan di negeri ini menerima bantuan di bawah Program Peningkatan Pendapatan Nelayan B40 - Insentif atau Bantuan Peralatan Penangkapan Ikan berjumlah RM450,000 seperti enjin sangkut, tong ikan dan jaket keselamatan.



Muhammad Faiz (empat dari kiri) menyerahkan bantuan di bawah Program Peningkatan Pendapatan Nelayan B40 - Insentif atau Bantuan Peralatan Penangkapan Ikan pada penerima pada Selasa.

LKIM sasar semua pemilik bot nelayan menggunakan MyIsytihar

LUMUT – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyasarkan semua 32,000 pemilik bot nelayan di negara ini menggunakan sepenuhnya aplikasi MyIsytihar bagi mendapatkan subsidi minyak pada tahun depan.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, setakat ini kira-kira separuh daripada mereka telah menggunakan aplikasi tersebut yang mula diperkenalkan kira-kira tiga tahun lalu.

“Sementara, separuh lagi masih menggunakan kaedah manual bagi mendapatkan minyak subsidi,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra Madani Pengerusi LKIM Bersama Nelayan Negeri Perak di Seri Manjung semalam.

Aplikasi MyIsytihar dilancarkan pada Ogos 2022 bertujuan memudahkan nelayan membuat pengisytiharan mendapatkan minyak bot subsidi serta tangkapan ikan menggunakan telefon pintar, tanpa terikat dengan masa operasi Pusat Pengisytiharan dan Pendaratan Ikan LKIM.

Menurutnya, nelayan harus memanfaatkan aplikasi dan teknologi itu bagi memudahkan mereka untuk pergi ke laut berdasarkan kesesuaian masa sendiri serta memastikan nelayan tidak mensia-siakan subsidi itu selain mengelakkan ketirisan seperti menjual semula minyak itu di tengah laut.

Menerusi sistem itu, nelayan hanya perlu memuat naik resit berkaitan dalam sistem tersebut dan apabila telah diluluskan, boleh terus menggunakan penghasilan ketulusan itu untuk membeli minyak pada harga subsidi tanpa mengira masa.

Dalam pada itu, Pengerah LKIM Perak, N Sundralingam menyasarkan semua pemilik bot nelayan di negeri ini menggunakan aplikasi tersebut bulan depan.

Jelasnya, sehingga kini 78 peratus daripada pemilik bot sudah menggunakan aplikasi itu bagi mendapatkan minyak subsidi sejak dilancarkan.

MUAT TURUN MYISYTHAR

32,000 pemilik bot nelayan digesa


Oleh Muhammad
Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Manjung

Kira-kira 32,000 pemilik bot nelayan di seluruh negara digesa memuat turun aplikasi MyIsyithar ke telefon pintar masing-masing sebagai usaha memerangi ketirisan diesel bersubsidi.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, aplikasi itu dibangunkan LKIM bagi memudahkan pemilik bot nelayan mengisytharkan jumlah hasil laut didaratkan tanpa terikat dengan waktu operasi pusat pengisytharan dan pendaratan ikan LKIM sedia ada.

Menurutnya, sebaik sistem e-Pengisytharan LKIM menerima data terbit, satu resit rasmi dipaparkan di aplikasi itu bagi membolehkan pemilik bot mendapatkan diesel bersubsidi.



MUHAMMAD Faiz (dua dari kanan) menyerahkan bantuan enjin sangkut kepada nelayan B40 pada Majlis Rahmah Mesra MADANI di Dewan Serbaguna LKIM, semalam. - Gambar NSTP/MUHAMMAD LOKMAN KHAIRI

"Kalau mereka (pemilik bot) selesai isyithar, baru boleh dapat minyak. Kita tak tapkan aturan begitu untuk memastikan mereka tak mensia-siakan diesel bersubsidi."

"LKIM hendak pastikan mereka betul-betul tang-

kap ikan, bukan mereka jual (diesel bersubsidi) dekat tengah-tengah laut.

"Bagaimanapun, hanya 50 peratus daripada 32,000 pemilik bot menggunakan aplikasi ini ketika ini, justeru LKIM sasar penggu- naan secara menyeluruh tahun depan," katanya se- lepas Majlis Rahmah Mesra Madani bersama nelayan Perak, di sini, hari ini.

Untuk rekod, MyIsyithar diperkenalkan sejak 1 Sep- tember 2022 antara lain bertujuan mempercepat- kan proses pengisytharan oleh nelayan serta mem- bantu pengumpulan data kerajaan berkaitan maklu- mat tangkapan ikan de- ngan lebih tepat.

Pengarah LKIM Perak, N Sundralingam berkata, penggunaan aplikasi itu akan dikuat kuasakan di se- luruh negeri ini bermula 1 September depan.

"Berdasarkan pemerik- saan kami, jaringan inter- net di kawasan utama pe- nangkapan ikan di Perak baik, jadi pemilik bot tak boleh beri alasan itu," ka- tanya.

14/8/2024

BERITA
HARIAN

NASIONAL

9

Nanas MD2 mudah dijaga, hasil lumayan

Ladang seluas 10 hektar diusahakan Ani tuai 30,000 hasil

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my



sih baru dalam bidang ini.

"Selama tiga tahun itu juga sehingga 2017, saya terpaksa mencari pembeli untuk menjual nanas yang sudah matang, walaupun pada ketika itu buah ini kurang mendapat sambutan," katanya ketika ditemui di ladang nanas miliknya di Kampung Darat, di sini baru-baru ini.

Ani berkata, bagaimanapun dia terus bangkit apabila nanasnya sudah diketahui ramai, terutama dalam kalangan pemborong yang sanggup datang dari Pulau Pinang untuk membeli pada sekitar tahun 2018 hingga 2022.

Katanya, disebabkan itulah dia bertekad untuk meneruskan penghasilan tanaman nanas MD2 ini lebih meluas di tanah seluas 10 hektar yang ada sekarang ini sejak tahun lalu.

"Sekarang ini permintaan nanas MD2 ini sangat tinggi kerana kualiti buahnya, selain rasanya manis secara semula jadi mena-

rik minat ramai pemborong untuk membeli terus di sini sebanyak mana yang ada.

"Buah nanas yang terhasil sebanyak 30,000 biji di kawasan ini adalah musim pertama sejak di tanam pada Mei tahun lalu dan Insya-Allah, semua buah ini akan matang sepenuhnya Oktober ini," katanya.

Menurutnya lagi, pokok nanas MD2 ini mampu menghasilkan buah selepas ditanam dan mengambil masa kira-kira 13 bulan untuk matang sepenuhnya.

Katanya, untuk tanaman musim pertama tahun ini, dia mengharapkan pengeluaran buah yang memuaskan hati kerana sudah ada pemborong yang menunggu untuk membeli.

"Kualiti nanas MD2 ini sangat tinggi dan sesuai dijadikan jus minuman, pencuci mulut serta snack makanan kering.

"Alhamdulillah, saya turut mendapat khidmat nasihat dan



Ani menunjukkan nanas MD2 yang diusahakannya di Kampung Darat, Changlun. (Foto Wan Nabil Nasir/BH)

pemantauan daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)," katanya.

Harga nanas tinggi

Sementara itu, Pegawai LPNM Kedah/Perlis berkata, penanaman nanas di daerah Kubang Pasu memberi tumpuan pada nanas jenis MD2.

Beliau berkata, setakat ini lebih 100 pengusaha tanaman nanas MD2 menjalankan projek tanaman itu yang mendapat sambutan yang menggalakkan hinggan harganya mencecah tinggi.

"Setiap tahun kami menerima

banyak borang untuk permohonan bantuan benih dan baja untuk mengusahakan tanaman nanas ini.

"Namun, di daerah Kubang Pasu, majoriti 99 peratus mengusahakan tanaman nanas MD2 ini malah di pasaran bagi negeri kedah hanya ada dua jenis nanas yang mendapat sambutan iaitu MD2 dan Morris.

"Apabila sampai tempoh matang, jika pengurusan tanaman dilakukan dengan baik, buah yang terhasil bersaiz besar sehingga boleh mencecah tiga kilogram (kg) sebiji," katanya.

14/8/2024

SINAR

BISNES

28

HARIAN

Agrobank dapat dana RM6.23 juta



EKONOMI

RM6.23 juta peruntukan dana yang diperoleh Agrobank akan diagihkan melalui pelbagai inisiatif bagi membantu usahawan agromakanan di Sarawak.

KUCHING - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengumumkan sebanyak RM6.23 juta peruntukan dana melalui pelbagai program bagi membantu usahawan agromakanan di Sarawak.

Agrobank dalam kenyataan pada Selasa berkata, dana tersebut akan diagihkan melalui pelbagai inisiatif termasuk Dana Pembiayaan Agromakanan (DPA), Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan (PMRNA) dan Dana

Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM).

Menurutnya, tanggungjawab di- galas Agrobank itu membuktikan ke- yakinan kerajaan terhadap kepakaran dan kebolehan bank berkenaan untuk mengurus serta mengagihkan dana secara efektif serta menyokong sek- tor pertanian di Sarawak.

Selain itu, Agrobank telah me- luluskan dana pembiayaan sebanyak RM95.4 juta di bawah Skim Kredit Mikro Sarawak yang memberi man- faat kepada 2,758 peserta sehingga

Julai lalu.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin ber- kata, satu lokasi juga telah dikenal pasti bagi pembukaan semula cawangannya di daerah kecil Spaoh di bahagian Betong, 274 kilometer dari sini.

"Skim ini dan rancangan pem- bukaan cawangan kami menunjuk- kan pendekatan yang holistik untuk menyokong pembangunan negeri Sarawak.

"Agrobank juga bercadang mem- buka cawangan di daerah Gedong di bahagian Serian selepas membuka cawangan baharu di Tanjung Manis, Mukah pada Mei tahun lepas," kata- nya.

Sebelum ini, Agrobank telah me- lancarkan inisiatif tanpa tunai di dae- rah Daro di bahagian Mukah pada 10 Oktober 2023 dan di Pasar Tamu Lawas di bahagian Limbang baru- baru ini bagi memudahkan transak- si tanpa tunai dalam kalangan usa- hawan tempatan.

Agrobank juga antara bank yang menyediakan perkhidmatan mesin pengeluaran wang automatik (ATM) di sembilan daerah pinggir bandar dan luar bandar di Sarawak yang terdiri dari Padawan, Bau, Lundu, Sematan, Lingga, Pantu, Tebedu, Asajaya serta Sebuyau.

"Agrobank mempunyai matlamat meningkatkan ekonomi dan ke- terangkuman kewangan di Sarawak.

"Pada masa sama, memupuk ke- sejahteraan dalam kalangan komu- niti yang pelbagai di negeri ini," kata- nya. - Bernama

14/8/2024

KOSMO

NIAGA

38

Agrobank buka semula cawangan Spaoh di Sarawak

PETALING JAYA - Agrobank bakal membuka semula cawangan di Spaoh, Sarawak sebagai sebahagian daripada komitmen untuk meningkatkan servis perbankan di kawasan luar bandar.

Penutupan cawangan Spaoh sebelum ini tidak dapat dilakukan berikutan keperluan untuk pengubahsuaian pejabat daerah yang lama kepada Agensi Pembangunan Betong.

Agrobank telah mengenal pasti kawasan baharu yang sesuai dan sedang berusaha untuk membuka cawangan di kawasan

tersebut.

Presiden/ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya percaya akses kepada servis perbankan memainkan peranan yang penting kepada pertumbuhan ekonomi dan keterangkuman kewangan di kawasan berkenaan.

"Pembukaan semula cawangan Spaoh membuktikan komitmen Agrobank untuk berbakti kepada komuniti luar bandar di Sarawak," katanya dalam satu kenyataan.

Pada 6 Mei 2021, Agrobank

menjadi salah satu bank yang menyediakan perkhidmatan mesin pengeluaran wang automatik (ATM) di sembilan daerah di Sarawak iaitu Padawan, Bau, Lundu, Sematan, Lingga, Pantu, Tebedu, Asajay dan Serau.

Ia merupakan sebahagian komitmen berterusan Agrobank untuk menyokong komuniti yang kurang mendapat perhatian selain untuk mencapai keberangkuman kewangan selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak dan Bank Negara Malay-

sia.



TENGGU AHMAD BADLI SHAH (tiga dari kanan, depan) melawat Ladang Nanas TC Agro Fruit di Miri baru-baru ini.

14/8/2024

SINAR
HARIANKUALA
TERENGGANU

24

Lokasi bot karam kawasan tangkapan ikan, laluan kapal

KUALA TERENGGANU - Lokasi pelanggaran membabitkan bot nelayan dengan sebuah tongkang Ahad lalu merupakan kawasan aktiviti tangkapan ikan selain merupakan kawasan perikanan rekreasi dan laluan bot atau kapal.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, lokasi insiden yang terletak kira-kira tujuh batu nautika daripada pantai Kuala Kemaman adalah kawasan laut terbuka dan tiada larangan untuk tangkapan ikan.

"Kawasan tujuh batu nautika dari pantai memang kawasan aktiviti penangkapan ikan sama ada oleh nelayan atau aktiviti perikanan rekreasi.

"Lebih tepat ia adalah kawasan laut terbuka yang tidak ada larangan untuk aktiviti penangkapan ikan dan dalam masa yang sama terbuka juga untuk laluan bot atau kapal," katanya ketika dihubungi di

sini, pada Selasa.

Azman berkata, beliau mewakili kerajaan negeri merakamkan ucapan takziah kepada semua mangsa tragedi bot karam yang berlaku di perairan Kuala Kemaman itu.

Jelas beliau, pihaknya menyerahkannya kepada pihak berkuasa bagi menyiasat punca sebenar tragedi tersebut.

"Kerajaan negeri menyerahkannya kepada pihak berkuasa untuk menyiasat tragedi menyedihkan ini.

"Kita juga menyeru semua pihak yang melakukan aktiviti di laut supaya sentiasa mengutamakan aspek keselamatan serta saling berwaspada dengan situasi di sekeliling," katanya.

Sementara itu, ditanya sama ada kerajaan negeri akan memperkenalkan zon antara laluan kapal dan kawasan penangkapan ikan katanya, pengasingan zon antara dua laluan itu di bawah kuasa kerajaan Pusat.

Banci Pertanian Johor sudah capai 36.6%

Oleh MARLIA ZAKARIA

PASIR GUDANG – Banci Pertanian 2024 yang dikendalikan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) kini telah memasuki hari ke-34 sejak mula dilaksanakan pada 7 Julai 2024 lalu di seluruh negara.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh DOSM Negeri Johor, sebanyak 71,842 tempatan kediaman (TK) iaitu 36.6 peratus telah dilawati sehingga 8 Ogos lalu.

"Banci Pertanian 2024 di Johor ini akan melibatkan 193,095 TK dan 3,134 pertubuhan perniagaan yang terlibat dalam aktiviti pertanian.

"Bagi pertubuhan perniagaan pula, sebanyak 613 pertubuhan iaitu 19.6 peratus telah selesai dilawati," katanya.

Kenyataan itu memaklumkan, Banci Pertanian 2024 ini memainkan peranan penting dalam perancangan dan pembangunan negara.

"Banci ini juga menyediakan maklumat diperlukan untuk menyediakan petunjuk pertanian bagi tujuan sosio ekonomi yang membolehkan kerajaan membuat keputusan lebih baik



PESURUHJAYA Banci Pertanian 2024, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin (tengah) bergambar dengan sebahagian nelayan ketika turun ke lapangan membuat bincuan di Johor Bahru baru-baru ini.



MOHD. UZIR sempat bergambar dengan hasil tangkapan nelayan.

"Keayaan Banci Pertanian 2024 memerlukan kerjasama semua pengusaha isi rumah, institusi dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti pertanian," tambahnya.

Menurut laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), sektor pertanian di Johor menyumbang 11.6 peratus kepada KDNK negeri, dengan nilai tambah sebanyak RM17.21 bilion.

Subsektor tanaman adalah penyumbang terbesar dalam sektor pertanian di negeri ini, dengan sumbangan sebanyak 67.88 peratus diikuti oleh subsektor ternakan dengan 25.36 peratus, dan subsektor perikanan dengan 6.59 peratus pada tahun 2023.

Untuk rekod, DOSM telah melancarkan OpenDOSM Next-Gen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan ia boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Orang ramai yang perlukan keterangan lanjut tentang Banci Pertanian 2024, boleh melayari <https://www.myagricensus.gov.my/> maklumat lanjut.

Sawah merekah kembali digenangi air


Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

PADANG BESAR: Hujan lebat sejak minggu lalu memberi kelegaan dan membawa rahmat kepada kira-kira 1,221 pesawah yang mengusahakan tanaman padi di kawasan seluas 2,558.56 hektar di negeri ini, apabila sawah yang kering-kontang dengan keadaan tanah merekah sebelum ini, kembali digenangi air.

Antara yang paling lega adalah para pesawah di Kampung Semadong, di sini yang merupakan kawasan paling teruk terjejas dan mereka dilihat sudah mula menjalankan kembali aktiviti pertanian di kawasan bendang.

Perkembangan tersebut sekali gus membolehkan mereka kembali menaruh harapan untuk meneruskan penanaman padi yang berusia dua bulan, di sebalik jangkaan hasil tetap merosot kesan kemarau sebelum ini.

Seorang pesawah, Che Fariz Izani Che Ya, 36, berkata, hujan lebat baru-baru memberi sedikit 'nafas' kepada para pesawah di kawasan berkenaan apabila melihat bendang digenangi air selepas



PESAWAH menerbangkan dron bagi menyembur racun selepas bendang kembali digenangi air di Kampung Semadong, Beseri, Padang Besar, Perlis, semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

sekitar lima tanah merekah. Katanya, situasi itu turut memberi kelegaan kepada setengah pesawah memulakan tanaman pada bulan depan selepas tidak dapat berbuat demikian akibat kemarau.

"Cuma kami berharap hujan dapat berterusan bagi menam-

pung keperluan bekalan air. Jika cuaca panas kembali selepas ini, dikhuatiri masalah sama berulang.

"Kami jangka hasil tetap merosot, namun sekurang-kurangnya tidaklah rosak sepenuhnya. Ekoran masalah itu se-

belum ini, padi yang diusahakan

kini berusia sekitar dua bulan berkemungkinan terbantu menyebarkan hasil terjejas teruk," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan, kira-kira 1,221 pesawah yang mengusahakan tanaman padi di kawasan selu-

as 2,558.56 hektar di negeri ini berisiko menanggung kerugian mencecah RM9.8 juta berikutan masalah kekurangan bekalan air ekoran cuaca panas dan kemarau.

Antara kawasan terjejas teruk adalah di Kampung Semadong yang membabitkan 70 pesawah di kawasan seluas 86 hektar selepas keadaan sawah kering-kontang dengan keadaan tanah pula merekah.

Sumber pengairan pesawah di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) itu hanya bergantung kepada hujan dan Empangan Timah Tasoh, namun paras air di empangan berkenaan tidak mencukupi membekalkan air kepada aktiviti pertanian.

Sebagai rekod, bekalan air untuk tujuan pertanian tidak dapat dibekalkan sehinggalah paras empangan Timah Tasoh kembali berada pada paras melebihi 27.10 meter.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad berkata, hujan pada minggu lalu di Perlis memberi kelegaan kepada para petani khususnya di kawasan Semadong yang kini dapat kembali menjalankan aktiviti pertanian seperti biasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2024	HARIAN METRO	KU BELA	33

KUBELA



PESTA PENCINTA SI BULUS

Jom Karnival Kucing Madani meriah dengan ribuan pengunjung yang prihatin mengenai haiwan kesayangan

FOKUS

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@mediaprima.com.my

Meriah dan berinformasi.
Acara Jom Karnival
Kucing Madani yang

diadakan pada 10 dan 11
Ogos lalu berjaya menarik
ribuan pengunjung.
Karnival selama dua
hari itu diadakan di Institut
Latihan DBKL (IDB), Cheras,
Kuala Lumpur.
Ia dianjurkan bersama
oleh Persatuan Rakan

Kucing Malaysia (PRKM),
Parlimen Bandar Tun
Razak, Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur (DBKL) dan
SOCIAL Pets.
Pelbagai acara menarik
diadakan antaranya
pameran haiwan
kesayangan, pertandingan

kucing, pameran haiwan
kecil, reptilia dan haiwan
ekskotik, program kucing
angkat, pameran burung
kakak tua, jualan produk
makanan haiwan dan
'petting' zoo.

> 34

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2024	HARIAN METRO	KU BELA	34

BUKA 'BUKU BIRU'

Ramai pemilik si bulus tidak lepas peluang buat pasport kucing selain dapatkan vaksin percuma

DARI MUKA 33

Pengunjung cilik yang hadir juga berpeluang bermesra dengan alpaka, arnab, ular sawa albino, menangkup ikan hiasan dan menyertai pertandingan mewarna.

Selain itu, ramai pemilik tidak melepaskan peluang membuat pasport kucing dan mendapatkan vaksin percuma untuk si bulus kesayangan mereka.

Lebih menarik, sesi ceramah mengenai penyakit bawaan haiwan dan kepentingan menjaga kebajikan haiwan turut diadakan oleh pegawai Jabatan Veterinar.

Bagi Arina Saad, 48, dia tidak ketinggalan membawa dua kucing kesayangannya untuk mendapatkan vaksin secara percuma yang disediakan di karnival berkenaan.

Selain itu, kata Arina, dia juga berpeluang mendapatkan pelbagai barangan aksesori dan makanan untuk si bulus kesayangan dengan harga lebih murah.

"Apabila mendapat tahu pengajuran karnival ini di kawasan kejiranan, saya sekeluarga teruja tambahan pula ada disediakan vaksin untuk kucing secara percuma.

"Lagi menyeronokkan, ia bukan sekadar karnival untuk pencinta haiwan kerana jualan rahmah

barangan keperluan harian turut disediakan kepada pengunjung," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin berkata, karnival seumpama itu julung kali diadakan di Wilayah Persekutuan dan Parlimen Bandar Tun Razak.

Kata beliau, karnival itu bukan hanya mengumpul pencinta kucing, malah masyarakat yang prihatin mengenai haiwan kesayangan.

"Objektif pengajuran karnival ini adalah untuk memberi kesedaran mengenai kebajikan dan penjagaan haiwan yang juga adalah makhluk Allah SWT yang perlu dilindungi.

"Ahli Parlimen Bandar Tun Razak (Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail) sendiri prihatin dengan isu

NURUL Izzah merasmikan Jom Karnival Kucing Madani di IDB Cheras.



PENGUNJUNG tidak melepaskan peluang bermesra dengan alpaka di Jom Karnival Kucing Madani.



KUCING untuk dijadikan kucing angkat.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang melihat pelbagai jenis haiwan eksotik yang dipamerkan.

kebajikan kucing sehingga wujudnya Rumah Kucing Madani di kawasan Projek Perumahan Rakyat Seri Sabah yang sudah menyelamatkan lebih 100 kucing terbiar.

"Diharap dengan ilmu yang bermanfaat mengenai haiwan kesayangan ini dapat membantu masyarakat supaya lebih prihatin dan sensitif terhadap haiwan," katanya.

Sementara itu, karnival berkenaan dirasmikan Nurul Izzah Anwar yang mewakili Dr Wan Azizah.

Diharap dengan ilmu yang bermanfaat mengenai haiwan kesayangan ini dapat membantu masyarakat supaya lebih prihatin dan sensitif terhadap haiwan

AZMAN

Anda mempunyai pengalaman, koleksi gambar menarik bersama haiwan atau haiwan peliharaan boleh dikongsi dengan menghantar e-mel ke rencana@hmetro.com.my

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2024	HARIAN METRO	KU BELA	35

Oleh Fairul Asmaini
Mohd Pilus
asma.n@mediaprima.com.my

Haiwan comel seperti kucing, anab, hamster, burung mahupun sugar glider sememangnya seronok untuk dibela.

Namun, di sebalik kecomelan haiwan kesayangan ramal itu, pemilik perlu sentiasa berwaspada akan jangkitan penyakit zoonotik.

Ia adalah jangkitan daripada haiwan kepada manusia oleh bakteria, virus, parasit serta kulat yang boleh mengganggu sistem tubuh manusia.

Antara penyakit zoonotik utama yang berisiko menjejaskan kesihatan manusia adalah selesema burung, zika dan anjing gila (rabies).

Bagaimanapun, masih ramai memandang remeh penyakit zoonotik kerana serangan itu jarang berlaku terutama membabitkan haiwan peliharaan walaupun hakikatnya boleh menjejaskan kesihatan dalam jangka panjang.

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Dr Sarah Dadang Abdullah berkata, setiap tahun ada kira-kira lima penyakit baharu dilaporkan dan tiga daripadanya berpunca daripada haiwan.

"Berdasarkan data Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ada 200 jenis penyakit zoonotik utama yang direkodkan sehingga hari ini.

"Daripada jumlah itu, 13 jenis penyakit zoonotik menyebabkan kematian 2.4 bilion penduduk di seluruh dunia," katanya.

Menurut Dr Sarah lagi, penyakit zoonotik boleh dijangkiti daripada haiwan kepada manusia menerusi sentuhan, udara, makanan atau minuman yang tercemar serta gigitan haiwan.

Selain itu, penyakit zoonotik juga berisiko untuk tersebar melalui ladang ternakan haiwan, kedai haiwan dan perdagangan haiwan secara haram.

Jelas beliau, haiwan kesayangan seperti kucing misalnya, ada banyak penyakit zoonotik boleh dikaitkan antaranya kurap, 'salmonellosis', 'leptospirosis' dan 'lyme disease'.

"Jadi, antara langkah untuk membantu mengurangkan risiko



WASPADA ZOONOTIK

Boleh dijangkiti daripada haiwan kepada manusia menerusi sentuhan, udara, makanan tercemar serta gigitan haiwan

JIKA ada tanda-tanda haiwan peliharaan terkena jangkitan, pastikan ia segera dibawa ke klinik haiwan.

FOTO: GENES GULTAH DAN SUMBER FREEPK



PENGENDALI haiwan perlu lebih peka dengan aspek kebersihan selepas mengendalikan haiwan peliharaan dan pastikan tangan dibersihkan sebelum menyentuh anggota badan, makanan dan sebagainya.

jangkitan penyakit zoonotik adalah dengan memastikan haiwan kesayangan anda divaksin bagi melindunginya dan anda sekeluarga.

"Pengendali haiwan juga perlu lebih peka dengan aspek kebersihan selepas mengendalikan haiwan peliharaan dan pastikan tangan dibersihkan sebelum menyentuh anggota badan, makanan dan sebagainya.

"Jika ada tanda-tanda haiwan peliharaan terkena jangkitan, pastikan ia segera dibawa ke klinik haiwan," katanya.

Selain itu, Dr Sarah turut menasihati orang ramai supaya tidak terlibat dalam aktiviti penyeludupan

haiwan peliharaan terutama dari negara jiran, Thailand dan Indonesia.

Ini kerana haiwan yang diseludup terutama burung contohnya berisiko membawa penyakit zoonotik merbahaya dari negara berkenaan.

"Haiwan berkenaan tidak mempunyai sijil kesihatan, meskipun ia kelihatan sihat dan tidak mempunyai sebarang tanda jangkitan penyakit, namun masih ada risiko ia sudah dijangkiti.

"Baik pencinta haiwan mahupun masyarakat, perlu peka dan memainkan peranan masing-masing dalam mengurangkan risiko jangkitan penyakit zoonotik ini," katanya.



Antara langkah untuk membantu mengurangkan risiko jangkitan penyakit zoonotik adalah dengan memastikan haiwan kesayangan anda divaksin bagi melindunginya dan anda sekeluarga

DR SARAH



Di sebalik kecomelan haiwan kesayangan, pemilik perlu sentiasa berwaspada akan jangkitan penyakit zoonotik.